

## Penyelewengan pengajaran Islam Pas

terus dikawal

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Kerajaan akan terus mengawal segala penyelewengan pengajaran Islam oleh Pas dengan menyediakan kemudahan untuk belajar agama Islam yang sebenar di sekolah kebangsaan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu untuk menentukan generasi akan datang dapat menolak bukan sahaja ajaran yang salah berkenaan agama malahan dapat mengenali di antara yang baik dan yang buruk, yang salah dengan yang betul.

“Dalam usaha untuk menarik sokongan baginya, Pas sengaja menyalahafsirkan agama Islam. Semakin lama semakin jauh dan semakin buruk tafsiran yang dibuat.

“Daripada menuduh orang UMNO tidak Islam, mereka sudah sampai ke tahap mendakwa Tuhan suka mencarut seperti seorang pemimpin parti mereka dan Tuhan adalah samseng,” katanya.